

**PRODUCT DISCLOSURE SHEET**

Please be reminded to read and understand this Product Disclosure Sheet (PDS) before you decide to take up the Afdhal Term Deposit-i. Be sure to also read the Terms and Conditions and the Specific Terms and Conditions applicable for Afdhal Term Deposit-i. You are hereby reminded to always seek and obtain your own independent legal advice. Kindly seek clarification from AmBank Islamic Berhad's authorised representatives if you do not understand any part of this document or the terms and conditions stated herein.

AmBank Islamic Berhad

Afdhal Term Deposit-i

[Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor]

Effective Date: 30 September 2025

1. What is this product about?

Afdhal Term Deposit-i is a Shariah-compliant term deposit based on the Shariah contract of Commodity *Murabahah*. The Term Deposit refers to a deposit product that pays a fixed profit rate at a given maturity date. The Afdhal Term Deposit offers Customer the flexibility to determine the maturity of deposit whereby Customer may choose any number of days subject to a minimum tenure of one calendar month.

2. What is the Shariah contract applicable?

- The Shariah contract applicable is Commodity *Murabahah* via *Tawarruq* arrangement. *Tawarruq* means two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset to a purchaser on a deferred basis and the subsequent sale involves sale of the asset to a third party on a cash basis.
- Murabahah* refers to a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.
- Wakalah* refers to a contract in which a party mandates another party as his agent to perform a particular task in matters that may be delegated with or without imposition of fee. Under the *Wakalah* contract, the Customer appoints AmBank Islamic ('the Bank') as agent to purchase and sell the Shariah compliant commodities at specified time on behalf of the Customer. The Customer will appoint the Bank to purchase the commodity on his/her behalf and thereafter sell the commodity to the Bank (whereby the Bank is acting as Customer's agent) at the Selling Price.

How the arrangement works?

- Upon account opening, you appoint the Bank as your agent to purchase Shariah-compliant commodity ("Commodity") from any third party and to sell the Commodity to the Bank.
 - The Bank, acting as an agent, will purchase Commodity on your behalf upon receipt of monies for the purchase price of the Commodity in the amount deposited with the Bank. You shall be entitled to request and take physical delivery of the Commodity at your own cost and expenses. You are entitled to request and take physical delivery of the Commodity at your own cost and expenses.
 - The Bank will thereafter, on its own capacity purchase the Commodity from you at the sale price on *Murabahah* comprising purchase price and profit ("Selling Price") which shall be paid to you upon maturity of the Term Deposit.
 - The Bank may thereafter sell the Commodity to a third party.
- The sale and purchase contracts in the *Tawarruq* arrangement will be executed upon placement of deposit and during deposit renewal (if any).
 - The type of asset used in this product is the Shariah-compliant commodity traded in a platform approved by the Bank which includes, not limited to, crude palm oil, oleo chemicals, rubber, cocoa and soya products or such other acceptable commodities (excluding *ribawi* items in the category of medium of exchange such as currency, gold and silver).

3. What do I get from this product?

- Minimum initial placement amount: RM5,000 for all tenures.
- Tenure: Any number of days subject to a minimum tenure of one calendar month.
- Selling Price
Calculation of profit
 $\text{Profit} = P \times R \times t/365 \text{ or } 366$

Whereby:

P = Purchase Price (Placement Amount)

R = Profit Rate

t = Number of days based on completed months or days

Calculation of Selling Price

Selling Price = Purchase Price (Placement Amount) + Profit (total profit for the whole placement tenure)

Illustration:

Purchase Price (Placement Amount)	RM100,000
Profit Rate	2.90% p.a
Tenure	3 months
No. of Days	91
Placement Date	01/04/2015
Maturity Date	30/06/2015
Profit	RM723.01
Selling Price	RM100, 723.01

- Profit Payment: Profit is payable on the maturity.

4. What are the other key terms and conditions of this product that I should know?

- Early withdrawal
Any placements which are withdrawn before maturity **will have NO profit payable.**

Illustration for Early Withdrawal of Afdhal Term Deposit-i

Tenure: 12 months

Profit rate: 2.90% p.a.

Amount of placement: RM40,000

Date of placement: 2 January 2019

Amount withdrawn: RM40,000

Profit option: Upon maturity	Scenario 1 Withdrawn <u>before</u> maturity
Date of early withdrawal	2/7/2019
Completed months	6 months
Profit amount payable upon maturity	$RM40,000 \times (365/365) \times 2.90\%$ = RM1,160.00
Profit amount to be entitled	RM0.00
Excess profit payment	RM0.00
Principal amount to be received by Customer upon early withdrawal	$RM40,000 - RM0.00$ = RM40,000.00

- Partial withdrawal
Partial withdrawal of the placement is allowed subject to the following conditions:
 - (a) The remaining balance must not be less than the minimum placement required for the respective products/tenures and shall be maintained till the maturity date and the remaining balance amount will continue earn profit until the maturity date at the original contracted rate.
 - (b) No profit shall be paid if the placement is partially withdrawn and the Customer agrees to provide *ibra'* (rebate) for the profit on the amount partially withdrawn to the Bank accordance to the formula below unless provided otherwise in Specific Terms and Conditions for the particular product.

Formula

Total profit payable to the Customer for partial withdrawal = $(P \times D / 365 \times R \times \%IP)$, whereby:

P = Partial Withdrawal Amount (Amount withdrawn)

D = Actual number of days based on **completed months**

R = Profit
IP = Rebate on Profit

(c) The Bank's determination of any amount payable to you on partial withdrawal shall be final, conclusive and binding on you.

Illustration for Partial Withdrawal of Afdhal Term Deposit-i

Tenure: 12 months
Profit rate: 2.90% p.a.
Amount of placement: RM40,000
Date of placement: 2 January 2019
Partial withdrawal amount: RM10,000

Profit option: Upon maturity	Scenario 2 Partial withdrawal <u>before</u> maturity
Date of partial withdrawal	2/8/2019
Completed months	7 months
Profit payable upon maturity	$RM40,000 \times (365/365) \times 2.90\%$ = RM1,160.00
Partially amount to be received upon partial withdrawal	RM10,000 (no profit entitled)
Remaining balance	RM30,000

- Auto renewal

The Bank will automatically renew all deposits not withdrawn on the maturity date under the same tenure at prevailing Profit Rate.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- Ad hoc statement request: RM5.00 per request.

Note:

- (a) For details of fees and charges, kindly refer to <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges>
- (b) The fees and charges quoted are exclusive of any taxes (where applicable) which shall be additionally borne by the Customer. Should there be any taxes to be imposed on the fees and charges quoted, the Bank has the right to change the amount payable with prior notice of twenty-one (21) calendar days.

6. What are the risks involved?

You are advised to carefully consider all risk factors before making a placement. There is no risk involved in this product if no early or partial withdrawal is made.

7. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner by visiting any of our branches or calling our Contact Centre at 03-2178 8888, operational daily from 7.00 a.m. to 11.00 p.m.

8. Who should I contact for further information or to lodge a complaint?

(a) If you wish to complain on the products or services provided by us, you may contact us at:

AmBank Islamic Berhad
Contact Centre – One Stop Resolution
Level 18, Menara AmBank
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

(b) If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel.: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

9. Other AmBank Islamic Term Deposit products available:

Term Deposit-i, AmTDPlus-i, AmQuantum Term Deposit-i and Advance Profit Account-i.

The PDS for these products are available at <https://www.ambank.com.my/contact-centre/pds>

The information provided in this PDS is valid from 30 September 2025 until the next update. Kindly visit www.ambankgroup.com for the latest information.

I/We duly acknowledge that the key contract terms and my/our financial obligations under this financial product had been adequately explained to me by the authorised representative of AmBank Islamic Berhad.

.....
Name:
NRIC:
Date:

Or

For and on behalf,

.....
(Authorised signatory/ Director)
Company Name:
Company Registration No.:
Date:



LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penyataan Produk (PDS) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih produk Deposit Bertempoh-i Afdhal. Pastikan juga anda membaca dan memahami Terma dan Syarat dan Terma dan Syarat Khusus terpakai untuk Deposit Bertempoh-i Afdhal. Anda dengan ini diingatkan untuk sentiasa memperolehi dan mendapatkan nasihat guaman sendiri. Sila rujuk kepada wakil AmBank Islamic Berhad yang diberi kuasa jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau terma dan syarat yang dinyatakan di sini.

AmBank Islamic Berhad

Deposit Bertempoh-i Afdhal

[Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit]

Tarikh Kuat Kuasa: 30 September 2025

1. Apakah produk ini?

Deposit Bertempoh-i Afdhal merupakan deposit bertempoh patuh Syariah berdasarkan kontrak Syariah Komoditi Murabahah. Deposit bertempoh merujuk kepada produk deposit yang membayar kadar keuntungan tetap pada tarikh matang yang diberikan. Deposit Bertempoh-i Afdhal menawarkan Pelanggan fleksibiliti untuk menentukan kematangan deposit di mana Pelanggan boleh memilih apa-apa bilangan hari tertakluk kepada tempoh sekurang-kurangnya satu bulan kalendar.

2. Apakah kontrak Syariah yang diguna pakai?

- Kontrak Syariah yang diguna pakai ialah Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq. Tawarruq bermaksud dua kontrak jual beli di mana yang pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli atas dasar tertangguh dan jualan yang berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai.
- Murabahah merujuk kepada jual beli aset yang melibatkan pendedahan kos pembelian dan keuntungan kepada pembeli.
- Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejennya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal yang boleh diwakilkan dengan mengenakan bayaran atau tidak. Di bawah kontrak Wakalah, Pelanggan melantik AmBank Islamic ('Bank') sebagai ejen untuk membeli dan menjual komoditi patuh Syariah pada masa yang ditetapkan bagi pihak Pelanggan. Pelanggan akan melantik Bank untuk membeli komoditi bagi pihaknya dan selepas itu menjual komoditi kepada Bank (di mana Bank bertindak sebagai ejen Pelanggan) pada Harga Jualan.

Bagaimana aturan ini berfungsi?

- Semasa membuka akaun, anda melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi patuh Syariah ("Komoditi") daripada mana-mana pihak ketiga dan sesudah itu menjual komoditi tersebut kepada Bank.
 - Bank yang bertindak sebagai ejen akan membeli Komoditi bagi pihak anda setelah menerima wang bagi harga belian Komoditi dalam amaun yang didepositkan dengan Bank. Anda berhak untuk meminta dan mengambil penghantaran fizikal Komoditi pada kos dan perbelanjaan anda sendiri.
 - Selepas itu, Bank, atas kapasitinya sendiri akan membeli Komoditi daripada anda pada harga jualan berdasarkan Murabahah yang terdiri daripada harga pembelian dan keuntungan ("Harga Jualan") yang akan dibayar kepada anda pada tempoh matang Deposit Bertempoh.
 - Selepas itu, Bank boleh menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga.
- Kontrak jualan dan pembelian dalam aturan Tawarruq akan dilaksanakan semasa penempatan deposit dan juga semasa pembaharuan deposit (sekiranya ada).
 - Jenis aset yang digunakan dalam produk ini adalah komoditi patuh Syariah yang didagangkan dalam platform yang diluluskan oleh Bank yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada minyak sawit mentah, kimia oleo, getah, koko dan produk soya atau komoditi lain yang diterima (kecuali barangan ribawi di dalam kategori alat pertukaran seperti matawang, emas dan perak).

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Amaun penempatan awal minimum: RM5,000 untuk keseluruhan tempoh.
- Tempoh: Mana-mana bilangan hari tertakluk kepada tempoh minimum satu bulan kalendar.
- Harga Jualan
Pengiraan keuntungan
 $\text{Keuntungan} = P \times R \times t/365$ atau 366

Yang mana:

P = Harga Belian (Amaun Penempatan)

R = Kadar Keuntungan

t = Bilangan hari berdasarkan bulan dan hari yang lengkap

Pengiraan Harga Jualan

Harga Jualan = Harga Belian (Amaun Penempatan) + Keuntungan (jumlah keuntungan bagi keseluruhan tempoh penempatan)

Ilustrasi:

Harga Belian (Amaun Penempatan)	RM100,000
Kadar Keuntungan	2.90% setahun
Tempoh	3 bulan
Bilangan Hari	91
Tarikh Penempatan	01/04/2015
Tarikh Matang	30/06/2015
Keuntungan	RM723.01
Harga Jualan	RM100, 723.01

- Pembayaran Keuntungan: Keuntungan dibayar pada tarikh matang.

4. Apakah terma dan syarat utama lain mengenai produk ini yang perlu saya ketahui?

- Pengeluaran awal
Sebarang penempatan yang ditarik balik sebelum tempoh matang **TIDAK akan menerima keuntungan.**

Ilustrasi Pengeluaran Awal Deposit Bertempoh-i Afdhal

Tempoh: 12 bulan

Kadar keuntungan: 2.90% setahun

Amaun penempatan: RM40,000

Tarikh penempatan: 2 Januari 2019

Amaun pengeluaran: RM40,000

Pilihan keuntungan: Apabila matang	Senario 1 Pengeluaran <u>sebelum</u> matang
Tarikh pengeluaran awal	2/7/2019
Tempoh bulan yang dilengkapkan	6 bulan
Amaun keuntungan yang akan diperolehi apabila matang	$RM40,000 \times (365/365) \times 2.90\%$ = RM1,160.00
Amaun keuntungan yang layak diterima	RM0.00
Keuntungan terlebih bayar	RM0.00
Amaun pokok yang akan diterima oleh Pelanggan semasa pengeluaran awal	$RM40,000 - RM0.00$ = RM40,000.00

- Pengeluaran separa
Pengeluaran separa daripada penempatan dibenarkan tertakluk pada syarat yang berikut:
 - Baki yang tinggal tidak boleh kurang daripada penempatan minimum yang diperlukan untuk produk/tempoh masing-masing, dan akan dikekalkan sehingga tarikh matang dan baki akan terus memperoleh keuntungan sehingga tarikh matang pada kadar kontrak yang asal.
 - Tiada keuntungan akan dibayar sekiranya sebahagian penempatan ditarik balik dan Pelanggan bersetuju untuk memberikan ibra' (rebat) bagi sebahagian keuntungan kepada Bank mengikut formula di bawah kecuali jika dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat Khusus untuk produk tertentu.

Formula

Jumlah keuntungan yang perlu dibayar kepada Pelanggan untuk pengeluaran separa = $(P \times D / 365 \times R \times \%IP)$, yang mana:

P = Amaun Pengeluaran Separat (Amaun pengeluaran)

D = Bilangan hari sebenar berdasarkan tempoh bulan yang dilengkapkan

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

A member of the AmBank Group

R = Keuntungan
IP = Rebat atas keuntungan

- (c) Penentuan Bank tentang apa-apa amaun dibayar kepada anda atas pengeluaran separa adalah muktamad, konklusif dan mengikat anda.

Ilustrasi Pengeluaran Separa Deposit Bertempoh-i Afdhal

Tempoh: 12 bulan

Kadar keuntungan: 2.90% setahun

Amaun penempatan: RM40,000

Tarikh penempatan: 2 Januari 2019

Amaun pengeluaran separa: RM10,000

Pilihan keuntungan: Apabila matang	Senario 2 Pengeluaran separa <u>sebelum</u> matang
Tarikh pengeluaran separa	2/8/2019
Bulanan yang lengkap	7 bulan
Keuntungan diperolehi apabila matang	$RM40,000 \times (365/365) \times 2.90\%$ = RM1,160.00
Amaun pengeluaran separa yang akan diterima	RM10,000 (tiada keuntungan diperolehi)
Baki yang tinggal	RM30,000

- Pembaharuan secara automatik

Bank akan memperbaharui kesemua deposit yang tidak dikeluarkan pada tarikh matang secara automatik di bawah tempoh yang sama pada Kadar Keuntungan semasa.

5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

- Permohonan penyata secara ad-hoc: RM5.00 untuk setiap permintaan.

Nota:

(a) Untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj, sila rujuk melalui <https://www.ambank.com.my/rates-fees-charges>.

(b) Sebut harga yuran dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk sebarang cukai (jika terpakai) yang akan ditanggung oleh Pelanggan. Sekiranya terdapat sebarang cukai yang akan dikenakan di atas yuran dan caj yang dinyatakan, Bank berhak untuk mengubah amaun yang perlu dibayar dengan memberi notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pelaksanaan tersebut.

6. Apakah risiko yang terlibat?

Anda dinasihatkan untuk mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan penempatan. Tidak ada risiko yang terlibat dalam produk ini jika tiada pengeluaran awal atau separa dibuat.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya dengan mengunjungi mana-mana cawangan kami atau menghubungi Pusat Perhubungan kami melalui 03-2178 8888, beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam.

8. Siapa yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?

- (a) Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Islamic Berhad
Pusat Panggilan – Penyelesaian Sehati
Tingkat 18, Menara AmBank
No. 8, Jalan Yap Kwan Seng
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2178 8888
E-mel: customercare@ambankgroup.com

- (b) Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
Laman Web: bnmlink.bnm.gov.my

9. Produk Deposit Bertempoh AmBank Islamic lain yang tersedia:

Deposit Bertempoh-i, AmTDPlus-i, Deposit Bertempoh-i AmQuantum dan Akaun Keuntungan Pendahuluan-i.

PDS untuk produk ini boleh didapati melalui <https://www.ambank.com.my/contact-centre/pds>

Maklumat yang disediakan dalam PDS ini adalah sah dari 30 September 2025 sehingga kemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Saya/Kami dengan sewajarnya mengakui bahawa syarat kontrak utama dan tanggungjawab kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

.....
Nama:

No Kad Pengenalan:

Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak,

.....
(Penandatangan/ Pengarah yang diberi kuasa)

Nama Syarikat:

No. Pendaftaran Syarikat:

Tarikh: